



No Fail: MDKP.NS.1.400-10/2/8
Tarikh : 26 Disember 2017

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
BEKALAN BARANGAN /PERKHIDMATAN
NO. SEBUTHARGA : B8/2017**

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** bertaraf Bumiputera atau Bukan Bumiputera dan berdaftar sebagai Pembekal Bekalan/Perkhidmatan MDPK yang beralamat serta masih dibenarkan membuat Sebutharga pada masa ini untuk menjalankan perkhidmatan berikut :-

Tajuk Bekalan/ Perkhidmatan	Kod Bidang	Tarikh, Tempat Dan Harga Dokumen Sebut Harga Dijual	Tarikh, Waktu Dan Tempat Tawaran Ditutup
Perlantikan Terbuka Bagi Perlantikan Panel Perkhidmatan Insuran Kemalangan Berkelompok Kakitangan Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) Bagi Tempoh 1 Januari 2018 Hingga 31 Disember 2018	221801 - Syarikat Insuran atau 221802 - Broker Insuran	Mulai : 26 Disember 2017 (selasa) Kaunter Hasil, Majlis Daerah Kuala Pilah. RM 30.00 senaskah *Tarikh Akhir penjualan Sebut Harga adalah pada 29 Disember 2017	Tarikh Tutup : 29 Disember 2017 (jumaat) Jam 12.00 tengahari Peti Tender A, Tingkat 1, Bahagian Kejuruteraan dan Bangunan, Majlis Daerah Kuala Pilah. *Dokumen Sebut Harga yang lewat tidak akan dilayan

SYARAT-SYARAT:-

1. Dokumen Sebutharga dibuat secara Wang Tunai / Wang Pos / Wang Kiriman Pos / Bank Draf yang dibuat atas nama "**YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH KUALA PILAH**" dan bayaran Dokumen Sebutharga tidak akan dikembalikan.
2. Syarikat hendaklah membawa dokumen salinan sijil-sijil berikut yang masih SAH tempohnya untuk semakan dan simpanan Pihak Majlis semasa pembelian Dokumen Sebut Harga:-
 - (a) **SIJIL ASAL AKUAN PENDAFTARAN PEMBEKAL dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
 - (b) **SIJIL ASAL PENDAFTARAN dengan SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)**
 - (c) **SIJIL ASAL PENDAFTARAN PEMBEKAL MAJLIS DAERAH KUALA PILAH**
3. Tempoh sah laku Sebut Harga adalah selama sembilan puluh (90) hari selepas tawaran ditutup.
4. Dokumen Sebut Harga yang telah disempurnakan **HENDAKLAH** dimasukkan ke dalam Sampul Surat Berlakri dengan No Rujukan Sebut Harga ditulis di bahagian kanan sebelah Sampul Surat dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga.
5. Pihak Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) tidak akan terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau sebarang tawaran lain dan juga tidak memberi sebarang alasan kepada Sebutharga yang Tidak Berjaya. Dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup sekiranya tiada mendapat apa-apa jawapan daripada MDKP maka tawaran adalah dianggap Tidak Berjaya.
6. Iklan Sebut Harga ini juga boleh dirujuk di laman web MDKP www.mdkp.gov.my.
7. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut bolehlah menghubungi talian 06-4812075 / 06-4821277 dan Fax : 06-4811042.

.....
(**MOHAMED RIDHA BIN JOHAN**)
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Pilah